

## Rakyat Meletakkan Raja di Atas Takhta\*



ATO' Onn memulakan ucapannya dengan memberitahu kehilangan seorang Ahli Jawatankuasa Kerja UMNO iaitu Encik Mohamad Tahir Setia Raja, sambil menyebut jasanya semenjak awal-awal terdirinya UMNO. Kerana jasa serta usahanya itu Majlis Persidangan telah mengangkatnya menjadi Timbalan Yang Dipertua. Jasanya itu akan dikenang dengan rasminya dalam majlis itu juga.

Kata Dato' Onn, 'Sungguhpun kehilangan seorang yang bijak dan berusaha di sisi saya, tetapi kehilangan itu telah diganti oleh seorang yang terkenal iaitu Dato' Panglima Bukit Gantang yang telah pulih sedikit kesihatannya dan ada serta hadir di sini'.

Kemudian daripada itu beliau menyebut tentang ketibaan Sultan Johor dari Eropah dan akan berangkat pada sebelah petang untuk berkenal-kenal dengan wakil-wakil ke persidangan.

Dato' Onn menghuraikan dengan panjang lebar cadangan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu iaitu tentang pindaan-pindaan daripada cadangan yang asalnya seperti dikehendaki oleh Majlis Agung.

Ucapan Dato' Onn seterusnya:

'Saya suka hendak menerangkan iaitu adalah sebab banyak merbahaya yang ada di sisi orang Melayu kita ini hendaklah kita ingat barang itu sentiasa ada lagi pada kita dan janganlah berfikir iaitu apa juga rundingan-rundingan dengan British itu hendaklah ditetapkan dengan sepenuh-penuhnya dan telah mengambil di atas tuntutan yang lain. Oleh kerana sungguhpun pihak umat Melayu di dalam

---

\* Ucapan di Majlis Mesyuarat Agung UMNO di Istana Besar, Johor Bahru, pada 2 hingga 4 September 1947.

Semenanjung Tanah Melayu ini telah menunjukkan bantahan yang kuat berkenaan dengan perkara Malayan Union itu, akan tetapi bantahan itu boleh juga berkehendak terlebih kuat daripada itu.

Jika sekiranya hendak dipaksa kehendak pihak Melayu itu di atas kerajaan British maka terpaksa wakil yang merundingkan itu kemudian daripada mendengarkan berbagai-bagai hujah sebab yang terbit daripada pihak yang sebelah itu, mencari dan berikhtiar yang boleh dapat menyelesaikan supaya dapat persetujuan kedua-dua pihak dengan sentiasa berpegang kepada tuntutan-tuntutan mengambil seberapa yang terdapat kepada wakil itu bagi faedah orang Melayu. Sungguhpun adalah teratur bantahan daripada pihak Melayu sendiri menyatakan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang dicadangkan itu ialah lebih buruk daripada perjalanan pemerintahan sekarang iaitu Malayan Union, akan tetapi saya suka hendak menyatakan kepada wakil-wakil jika sesuatu barang yang buruk seumpama itu iaitu buruk kepada umat Melayu mestilah mendapat bantahan yang kuat daripada pihak bangsa yang lain.

'Saya percaya juga wakil-wakil sendiri telah membaca atau mendengar bagaimana kuatnya bantahan daripada pihak bangsa lain mengatakan iaitu perbuatan yang mencadangkan bagi menjadikan Persekutuan Tanah Melayu itu ialah kesemuanya memberatkan kepada pihak Melayu dengan tidak menimbang tuntutan bukan Melayu. Jika dihalusi rang perjanjian yang telah sudah itu maka akan nampaklah dengan terang iaitu bagi pihak wakil-wakil tuan-tuan sekalian yang merundingkan telah berikhtiar dengan seberapa daya upayanya iaitu mendapat seberapa banyak faedah kepada pihak Melayu hingga telah terdapat berapa perkara yang termasuk di dalam perjanjian ini.

'Pihak sebelah sendiri tidak menyangka boleh diperdapat oleh orang Melayu. Kita telah mendengar jua bantahan bagaimana terbit daripada bantahan pihak yang tak bersetuju dengan cadangan Perlembagaan Tanah Melayu, iaitu termasuklah kumpulan beberapa orang Melayu di dalamnya. Kita telah mendengar jua bagaimana telah didatangkan ikhtiar daripada pihak sebelah akan tetapi kepada tiap-tiap seorang wakil saya mintalah supaya dibanding ikhtiar ini dengan apa yang ada tersebut di dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu itu.

'Satu barang yang nyata yang telah terbit daripada pihak sebelah, pihak yang tak menyokong Pekembar, pihak yang tak bersetuju

dengan susunan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ini satu barang yang ternyata terbit daripada mulanya yang seterang-terangnya menunjukkan pihak sebelah itu bukannya pada kehendak menguatkan pendirian orang Melayu melainkan mencadangkan supaya hilang terus nama Melayu itu.

'Saya percaya wakil-wakil telah membaca bagaimana cadangan supaya orang Melayu kita yang ada ini diubah namanya. Kita dahulu telah mengetahui tiap-tiap seorang daripada kita yang tiap-tiap seorang datuk nenek kita ialah orang Melayu! Tiap-tiap pakaian kita dikatakan pakaian Melayu, tiap-tiap adat istiadat dikatakan adat Melayu dan tiap-tiap perbuatan dikatakan orang Melayu dan perangai Melayu hingga kepada diri kita sendiri kita katakan Melayu. Akan tetapi cadangan pihak yang hendak mendirikan orang Melayu ialah supaya Melayu itu dan adat resamnya dihidupkan semula, manakala pihak yang lain itu mengambil nama kita dijadikan *Malayan* konon! Kita telah bersungguh-sungguh selama-lamanya, beratus tahun dahulu iaitu tiada seorang Melayu yang suka menukarkan bangsa melainkan semuanya berkehendak kepada mendirikan dirinya dan memasukkan dirinya jadi Melayu. Sekarang pihak kita orang Melayu itu hendak dimasukkan jadi *Malayan*.

'Kita telah bermegah kerana beratus tahun lamanya tidak ada seorang pun Melayu yang hendak mengubah bangsanya, maka sekarang ini ada pula pihak yang berhajat orang Melayu itu hendak dimasukkan jadi *Malayan*.'

Lebih lanjut Dato' Onn menyebut tentang kejayaan Pekembar dalam melawan dasar-dasar *Malayan Union* dan akan berganti dengan Persekutuan Tanah Melayu. Sungguhpun berjaya, katanya, hendaklah ingat bahawa pergerakan Pekembar baharu sahaja dimulakan dan berapa banyak pekerjaan yang berat akan diambil tahu olehnya.

Dalam soal *Malayan Union* yang akan dihapuskan, beliau berkata, 'Saya jemput wakil-wakil pada awalnya Yang Maha Mulia Baginda King itu berkenan menyerahkan balik segala kuasa yang telah dirampasnya daripada Raja-raja Melayu sebab Triti MacMichael itu.'

Pada Dato' Onn, menghapuskan *Malayan Union* ialah kejayaan Pekembar yang pertama, tetapi kejayaan itu akan dikuatkan lagi. Beliau mengulang ingatannya yang telah disebutkannya beberapa kali iaitu 'Raja itu rakyat, rakyat itu Raja'.

'Saya mengambil peluang membuka suara pada mendatangkan

ingatan kepada pihak Raja-raja Melayu iaitu rakyat jelata Melayu di Semenanjung Tanah Melayu ini telah mengangkat dan meletakkan balik raja-raja itu ke atas takhta kerajaan baginda-baginda itu dengan jasa yang tidak menumpahkan darah walau setitik pun,' kata Dato' Onn.

Tatkala menyebut jasa pihak rakyat itu, Dato' Onn berkata bahawa bagi membalas jasa itu pada masa yang akan datang hendaklah pihak raja-raja mengambil usaha, mengambil tahu hal rakyat. Pekembar telah membuat jasa tetapi jangan difikirkan seperti yang telah sudah kita boleh bersenang-senang diri.

Dato' Onn kemudiannya menerangkan pekerjaan Pekembar yang lebih besar lagi iaitu berikhtiar mengubah tabiat dan penghidupan orang Melayu. Perubahan itu tidak dapat disempurnakan dalam setahun, bahkan berpuluh-puluh tahun.

Beliau berseru supaya semua pihak bermuafakat dan berikhtiar, bukan sahaja dengan sokongan cakapan melainkan daripada hatinya sendiri. Menurutnya, hanyalah sebuah sahaja pertubuhan yang berusaha kerana memelihara bangsa, tanah air dan agama iaitulah Pekembar sendiri.

Dato' Onn berkata Pekembar sebagai satu pertubuhan berhasil dalam dunia ini kerana menguruskan berbagai-bagai usaha, tidak seperti pertubuhan siasah yang lain-lain yang semata-mata menumpukan atas perkara siasah sahaja. Beliau juga menyebut fasal kejadian dalam masa yang baru lalu terbit daripada setengah-setengah orang di Johor dan Singapura termasuk bangsa-bangsa asing mengajak pertubuhan-pertubuhan lain yang tiada berhak supaya meruntuhkan undang-undang yang didirikan oleh Melayu dan undang-undang yang hendak mendirikan Melayu.